



Versi 6.0 (2018)

TATAKELAKUAN RESPONSIBLE BUSINESS ALLIANCE

Tatakelakuan Responsible Business Alliance (RBA), dahulunya adalah Electronic Industry Citizenship Coalition (EICC), mewujudkan standard untuk memastikan keadaan kerja dalam industri elektronik atau industri komponen elektronik dan rangkaian bekalannya adalah selamat, pekerja dilayan dengan hormat dan bermaruah serta operasi perniagaan bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan dijalankan secara beretika.

Organisasi yang dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada industri elektronik bagi tujuan Tatakelakuan ini ialah semua organisasi yang mereka bentuk, memasarkan, mengeluarkan atau menyediakan barangan dan perkhidmatan yang digunakan untuk menghasilkan barangan elektronik. Tatakelakuan ini boleh diterima pakai secara sukarela oleh mana-mana perniagaan dalam sektor elektronik dan seterusnya diguna pakai oleh perniagaan tersebut kepada rangkaian bekalan dan subkontraktornya, termasuk pembekal tenaga buruh kontrak.

Untuk menerima pakai Tatakelakuan ini dan menjadi peserta ("Peserta"), perniagaan hendaklah mengisytiharkan sokongannya terhadap Tatakelakuan ini dan secara aktif meneruskan pematuhan kepada Tatakelakuan dan standardnya, selaras dengan sistem pengurusan yang disebutkan dalam dokumen ini.

Peserta mesti menganggap Tatakelakuan ini sebagai inisiatif rangkaian bekalan menyeluruh. Sekurang-kurangnya, Peserta hendaklah turut mengarahkan pembekal peringkat seterusnya untuk mengiktiraf dan melaksanakan Tatakelakuan ini.

Penting dalam usaha menerima pakai Tatakelakuan ini untuk memahami bahawa semua aktiviti perniagaan mestilah beroperasi dengan cara yang mematuhi sepenuhnya undang-undang, kaedah dan peraturan negara di tempat ia beroperasi.¹ Tatakelakuan ini menggalakkan Peserta untuk melaksanakan lebih daripada sekadar pematuhan undang-undang, menggunakan standard yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, untuk memajukan tanggungjawab sosial dan alam sekitar serta etika perniagaan. Sejalan dengan Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, peruntukan dalam Tatakelakuan ini dibentuk daripada standard hak asasi manusia antarabangsa yang utama termasuk Deklarasi ILO terhadap Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja dan Deklarasi Hak Asasi Manusia Universal PBB.

RBA komited untuk mendapatkan input tetap daripada pihak berkepentingan dalam pembangunan dan pelaksanaan berterusan Tatakelakuan ini.

Tatakelakuan ini terdiri daripada lima bahagian. Bahagian A, B dan C masing-masingnya menggariskan standard untuk Buruh, Kesihatan dan Keselamatan serta Alam Sekitar. Bahagian D menambah standard yang berkaitan dengan etika perniagaan; Bahagian E menggariskan unsur sistem yang boleh diterima untuk menguruskan keakuratan terhadap Tatakelakuan ini.

¹ Tatakelakuan ini tidak bertujuan untuk mewujudkan hak yang baharu atau tambahan bagi pihak ketiga, termasuk bagi pekerja.



A. BURUH

Peserta komited untuk mempertahankan hak asasi manusia bagi pekerja dan melayan mereka secara hormat dan bermaruah seperti yang difahami oleh masyarakat antarabangsa. Ini diterima pakai kepada semua golongan pekerja termasuk pekerja sementara, pehijrah, pelajar, pekerja kontrak, pekerja tetap atau lain-lain golongan pekerja. Standard yang diiktiraf, seperti yang dinyatakan dalam lampiran, digunakan sebagai rujukan dalam menyediakan Tatakelakuan ini dan mungkin menjadi sumber maklumat tambahan yang berguna.

Standard buruh adalah:

1) Pekerjaan yang Dipilih Secara Bebas

Buruh paksa, terikat dengan perjanjian (termasuk ikatan hutang) atau buruh kontrak, buruh penjara paksaan atau yang mengeksploitasi, perhambaan atau perdagangan manusia tidak boleh digunakan. Ini termasuklah membawa, melindungi, merekrut, memindahkan atau menerima orang dengan cara ancaman, paksaan, kekerasan, penculikan atau penipuan untuk kerahan tenaga atau perkhidmatan. Tidak boleh wujud sekatan yang tidak munasabah terhadap kebebasan pergerakan pekerja di tempat pekerjaan atau penginapan selain sekatan yang tidak wajar untuk masuk atau keluar dari kemudahan yang disediakan oleh syarikat. Sebagai sebahagian daripada proses pengambilan pekerja, pekerja mesti diberikan perjanjian pekerjaan bertulis dalam bahasa ibunda mereka yang mengandungi keterangan mengenai terma dan syarat pekerjaan sebelum pekerja yang berangkat dari negara asalnya dan tidak ada penggantian atau perubahan(-perubahan) yang dibenarkan dalam perjanjian pekerjaan semasa ketibaan di negara penerima kecuali perubahan ini dibuat untuk memenuhi undang-undang tempatan dan memberikan syarat yang sama atau lebih baik. Semua kerja mestilah dengan sukarela dan pekerja bebas untuk meninggalkan kerja pada bila-bila masa atau menamatkan pekerjaan mereka. Majikan dan ejen tidak boleh menahan atau memusnahkan, menyembunyikan, merampas atau menafikan akses pekerja melalui dokumen pengenalan atau dokumen imigresen pekerja seperti pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan, passport atau permit kerja, melainkan penahanan permit kerja tersebut dikehendaki oleh undang-undang. Pekerja tidak perlu membayar yuran pengambilan pekerja atau ejen atau lain-lain yuran yang berkaitan untuk pekerjaan mereka. Jika mana-mana yuran tersebut didapati telah dibayar oleh pekerja, bayaran tersebut akan dibayar balik kepada pekerja berkenaan.

2) Pekerja Muda

Buruh kanak-kanak tidak boleh digunakan dalam sebarang peringkat proses pengilangan. Istilah "kanak-kanak" merujuk kepada mana-mana individu yang berumur bawah 15 tahun atau di bawah umur yang ditetapkan untuk melengkapkan pendidikan wajib atau di bawah umur minimum untuk pekerjaan di negara tersebut, tertakluk pada mana-mana yang paling tinggi. Pelaksanaan program latihan yang diiktiraf di tempat kerja yang sah serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan, adalah disokong. Pekerja di bawah umur 18 tahun (Pekerja Muda) tidak boleh melakukan kerja yang mungkin menjejaskan kesihatan atau keselamatan mereka, termasuk syif malam dan kerja lebih



masa. Peserta hendaklah memastikan terdapat pengurusan untuk pekerja golongan pelajar yang sepatutnya melalui penyelenggaraan rekod pelajar yang betul, rakan pembimbing yang wajar dan perlindungan hak-hak pelajar selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Peserta hendaklah menyediakan sokongan dan latihan yang bersesuaian kepada semua pekerja golongan pelajar. Sekiranya tiada undang-undang tempatan, kadar upah untuk pekerja golongan pelajar, pelatih dan perantis hendaklah sekurang-kurangnya pada kadar upah yang sama seperti pekerja peringkat permulaan lain, yang melakukan tugas yang sama atau serupa.

3) Waktu Bekerja

Kajian tentang amalan perniagaan jelas mengaitkan tekanan pekerja dengan penurunan produktiviti, pertambahan kadar pusing ganti serta pertambahan kecederaan dan penyakit. Minggu kerja tidak boleh melebihi kadar maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan. Selanjutnya itu, minggu kerja tidak boleh melebihi 60 jam seminggu, termasuk kerja waktu lebih masa, kecuali dalam situasi kecemasan atau luar biasa. Pekerja hendaklah dibenarkan sekurang-kurangnya sehari cuti bagi setiap tujuh hari.

4) Upah dan Manfaat

Pampasan yang dibayar kepada pekerja hendaklah mematuhi undang-undang upah yang berkuat kuasa, termasuk yang berkaitan dengan upah minimum, waktu lebih masa dan manfaat yang telah diberi mandat secara sah. Mengikut undang-undang tempatan, pekerja hendaklah diberikan pampasan untuk kerja lebih masa pada kadar bayaran yang lebih tinggi daripada kadar jam yang biasa. Pemotongan gaji sebagai tindakan disiplin tidak dibenarkan. Bagi setiap tempoh pembayaran gaji/upah, pekerja hendaklah diberi penyata upah yang boleh difahami dan tepat pada masanya. Ia hendaklah mengandungi maklumat yang mencukupi untuk menentusahkan pampasan yang tepat bagi kerja yang dilaksanakan. Semua penggajian buruh sementara, buruh penghantaran dan buruh sumber luar hendaklah dalam had undang-undang tempatan.

5) Layanan Berperikemanusiaan

Tiada sebarang layanan kasar dan tidak berperikemanusiaan termasuk sebarang gangguan seksual, penganiayaan seks, hukuman dera, paksaan mental atau fizikal atau penderaan secara lisan terhadap pekerja; malah ancaman untuk melakukan layanan sedemikian juga tidak dibenarkan. Dasar dan prosedur disiplin yang menyokong keperluan ini hendaklah ditakrifkan dengan jelas dan dihebahkan kepada semua pekerja.

6) Tiada Diskriminasi

Peserta hendaklah komited terhadap tenaga kerja yang bebas daripada gangguan dan diskriminasi yang menyalahi undang-undang. Syarikat tidak boleh terlibat dalam diskriminasi yang berdasarkan bangsa, warna kulit, umur, jantina, orientasi seksual, identiti dan ekspresi jantina, keetnikan atau negara asal, ketidakupayaan, kehamilan, agama, hubungan politik, keahlian kesatuan, status veteran dilindungi, maklumat genetik yang dilindungi atau status perkahwinan dalam amalan pengambilan pekerja dan pekerjaan seperti upah, kenaikan pangkat, ganjaran dan kemudahan kepada latihan. Pekerja hendaklah diberi tempat yang sesuai untuk amalan keagamaan. Selain itu,



Responsible Business Alliance

Formerly the Electronic Industry Citizenship Coalition

Advancing Sustainability Globally

pekerja atau bakal pekerja tidak sepatutnya diminta menjalani ujian perubatan atau pemeriksaan fizikal yang boleh digunakan dengan cara yang menimbulkan diskriminasi.

7) Kebebasan Berpersatuan

Selaras dengan undang-undang tempatan, peserta hendaklah menghormati hak semua pekerja untuk membentuk dan menyertai kesatuan sekerja pilihan mereka sendiri, untuk membuat tuntutan secara kolektif dan untuk terlibat dalam perhimpunan aman serta menghormati hak pekerja untuk menahan diri daripada aktiviti sedemikian. Pekerja dan/atau wakil mereka hendaklah boleh berkomunikasi secara terbuka serta berkongsi idea dan kebimbangan dengan pihak pengurusan mengenai keadaan kerja dan amalan pengurusan tanpa berasa takut akan diskriminasi, tindakan balas, ugutan atau gangguan.



B. KESIHATAN dan KESELAMATAN

Peserta mengakui bahawa selain meminimumkan kejadian kecederaan dan penyakit berkaitan kerja, persekitaran kerja yang selamat dan sihat akan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan, keseragaman pengeluaran serta pengekalan dan moral pekerja. Peserta juga mengakui bahawa input dan pendidikan pekerja yang berterusan adalah penting untuk mengenal pasti serta menyelesaikan isu kesihatan dan keselamatan di tempat kerja.

Sistem pengurusan yang diiktiraf seperti OHSAS 18001 dan Panduan ILO mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan digunakan sebagai rujukan semasa menyediakan Tatakelakuan ini dan mungkin menjadi sumber maklumat tambahan yang berguna.

Standard kesihatan dan keselamatan ialah:

1) Keselamatan Pekerjaan

Pekerja yang berpotensi terdedah kepada bahaya keselamatan (misalnya bahan kimia sumber elektrik dan sumber tenaga lain, api, kenderaan dan bahaya terjatuh) akan dikenal pasti dan dinilai dan dikawal melalui kawalan reka bentuk, kawalan kejuruteraan dan pentadbiran yang betul, penyelenggaraan pencegahan dan prosedur kerja selamat (termasuk lockout/tagout) dan latihan keselamatan yang berterusan. Apabila bahaya tidak dapat dikawal dengan secukupnya melalui langkah-langkah ini, pekerja hendaklah diberi peralatan perlindungan diri yang diselenggarakan dengan baik dan sesuai serta bahan pendidikan mengenai risiko yang dihadapi oleh mereka berkaitan dengan bahaya ini. Langkah yang munasabah juga perlu diambil untuk mengalihkan ibu hamil/ibu yang menyusui daripada keadaan bekerja dengan bahaya yang tinggi, menghapuskan atau mengurangkan sebarang risiko kesihatan dan keselamatan di tempat kerja bagi wanita hamil dan ibu yang menyusui termasuk yang berkaitan dengan tugas kerja mereka serta memasukkan tempat yang sesuai untuk ibu yang menyusui.

2) Kesiediaan Kecemasan

Potensi situasi dan kejadian kecemasan hendaklah dikenal pasti dan dinilai dan kesannya diminimumkan dengan melaksanakan pelan kecemasan dan prosedur tindak balas yang termasuk: pelaporan kecemasan, prosedur pemberitahuan dan pemindahan pekerja, latihan dan latih tubi pekerja, alat pengesan dan pemadam kebakaran yang sesuai, laluan keluar yang lapang dan tiada halangan, kemudahan laluan keluar kecemasan dan pelan pemulihan yang mencukupi. Pelan dan prosedur sedemikian hendaklah memfokuskan usaha meminimumkan kemudaratan kepada nyawa, alam sekitar dan harta benda.



3) Kecelakaan dan Penyakit Pekerjaan

Prosedur dan sistem hendaklah diwujudkan untuk mencegah, mengurus, mengesan dan melaporkan kecederaan dan penyakit pekerjaan termasuk peruntukan untuk: menggalakkan pekerja membuat laporan; mengenal pasti dan merekodkan kes kecederaan dan penyakit; menyediakan rawatan perubatan yang diperlukan; menyasat kes dan melaksanakan tindakan pembetulan untuk menghapuskan puncanya; dan membantu proses pekerja kembali bekerja.

4) Kebersihan Industri

Pendedahan pekerja kepada agen kimia, biologi dan fizikal hendaklah dikenal pasti, dinilai dan dikawal. Potensi bahaya akan dihapuskan atau dikawal menerusi kawalan reka bentuk, kejuruteraan dan pentadbiran yang betul. Apabila bahaya tidak dapat dikawal dengan secukupnya oleh langkah sedemikian, pekerja hendaklah disediakan dan dilindungi dengan penggunaan peralatan pelindung diri yang sesuai dan diselenggarakan dengan baik. Program perlindungan hendaklah termasuk bahan pendidikan mengenai risiko yang berkaitan dengan bahaya-bahaya ini.

5) Pekerjaan yang Menuntut Tenaga Fizikal

Pendedahan pekerja terhadap bahaya tugas yang menuntut tenaga fizikal, termasuk pengendalian bahan secara manual dan mengangkat barangan yang berat atau berulang, berdiri dalam tempoh yang lama dan tugas pemasangan yang sangat kerap berulang atau menggunakan tenaga hendaklah dikenal pasti, dinilai dan dikawal.

6) Penjagaan Mesin

Bahaya keselamatan mesin pengeluaran dan mesin-mesin lain hendaklah dinilai. Pengadang fizikal, saling kunci dan penyekat hendaklah disediakan dan diselenggarakan dengan baik di tempat yang terdapatnya pendedahan bahaya kecederaan kepada pekerja.

7) Sanitasi, Makanan dan Perumahan

Pekerja hendaklah diberi akses yang mudah kepada kemudahan tandas yang bersih, air yang boleh diminum dan kemudahan penyediaan, penyimpanan dan tempat makan yang bersih. Asrama pekerja yang disediakan oleh Peserta atau ejen buruh hendaklah diselenggarakan agar bersih dan selamat dan disediakan dengan jalan keluar kecemasan yang sesuai, air panas untuk mandi, pencahayaan, pemanasan dan pengudaraan yang mencukupi, tempat yang selamat secara individu untuk menyimpan barang peribadi dan bernilai dan ruang peribadi yang mencukupi di samping keistimewaan masuk dan keluar yang munasabah.

8) Komunikasi Kesihatan dan Keselamatan

Peserta hendaklah menyediakan pekerja dengan maklumat dan latihan kesihatan dan keselamatan tempat kerja yang sesuai dalam bahasa pekerja atau dalam bahasa yang boleh difahami pekerja bagi semua bahaya tempat kerja yang terdedah kepada pekerja termasuk tetapi tidak terhad kepada bahaya mekanikal, elektrik, kimia, kebakaran serta bahaya fizikal. Maklumat berkaitan kesihatan dan



Responsible Business Alliance

Formerly the Electronic Industry Citizenship Coalition

Advancing Sustainability Globally

keselamatan hendaklah dipaparkan dengan jelas di sekitar kemudahan yang boleh dikenal pasti dan boleh diakses oleh pekerja. Latihan disediakan kepada semua pekerja sebelum bermulanya kerja dan secara tetap selepas itu. Pekerja akan digalakkan untuk mengemukakan kebimbangan mengenai keselamatan



C. ALAM SEKITAR

Peserta sedar bahawa tanggungjawab alam sekitar adalah penting dalam pengeluaran produk yang bertaraf dunia. Dalam operasi perkilangan, kesan buruk terhadap masyarakat, alam sekitar dan sumber semula jadi hendaklah diminimumkan dan pada masa yang sama melindungi kesihatan dan keselamatan orang awam. Sistem pengurusan yang diiktiraf seperti ISO 14001 serta Sistem Pengurusan dan Audit Ekologi (EMAS) telah digunakan sebagai rujukan semasa menyediakan Tatakelakuan ini dan mungkin menjadi sumber maklumat tambahan yang berguna.

Standard alam sekitar ialah:

1) **Permit dan Pelaporan Alam Sekitar**

Semua permit alam sekitar yang diperlukan (misalnya pemantauan buangan), kelulusan dan pendaftaran hendaklah diperoleh, diselenggarakan dan dipastikan terkini, dan keperluan operasi dan laporannya hendaklah dipatuhi.

2) **Pencegahan Pencemaran dan Pengurangan Sumber**

Pelepasan dan buangan bahan cemar dan pembentukan sisa hendaklah diminimumkan atau dihapuskan daripada sumber atau melalui amalan seperti menambah peralatan kawalan pencemaran, mengubah proses pengeluaran, penyelenggaraan dan kemudahan atau dengan cara lain. Penggunaan sumber semula jadi termasuk air, bahan fosil, galian dan produk hutan dara, harus dipulihara atau melalui amalan seperti mengubah suai proses pengeluaran, penyelenggaraan dan kemudahan, penggantian bahan, penggunaan semula, pemuliharaan, kitar semula atau cara lain.

3) **Bahan Berbahaya**

Bahan kimia dan bahan lain yang berbahaya hendaklah dikenal pasti dan diurus untuk memastikan pengendalian, pergerakan, penyimpanan, penggunaan, pengitaran semula atau penggunaan semula dan pelupusan yang selamat.

4) **Sisa Pepejal**

Peserta hendaklah melaksanakan pendekatan sistematik untuk mengenal pasti, mengurus, mengurangkan dan melupuskan atau mengitar semula sisa pepejal (tidak berbahaya).

5) **Pelepasan Udara**

Pelepasan udara bagi bahan kimia organik meruap, aerosol, bahan kakis, zarah, bahan kimia penyusut ozon dan produk sampingan pembakaran yang dihasilkan daripada operasi hendaklah dicirikan, dipantau, dikawal dan dirawat rutin seperti yang diperlukan sebelum pelepasan. Peserta hendaklah menjalankan pemantauan prestasi sistem kawalan pelepasan udara mereka secara rutin.



6) Sekatan Bahan

Peserta hendaklah mematuhi semua undang-undang, peraturan dan keperluan pelanggan yang berkaitan dengan larangan atau sekatan bahan tertentu dalam produk dan atau perkilangan, termasuk pelabelan untuk kitar semula dan pelupusan.

7) Pengurusan Air

Peserta hendaklah melaksanakan program pengurusan air yang boleh merekodkan, membezakan dan memantau sumber air, penggunaan dan buangan, mencari peluang untuk memulihara air dan mengawal saluran pencemaran. Semua air buangan hendaklah dibezakan, dipantau, dikawal dan dirawat seperti yang diperlukan sebelum pelepasan atau pelupusan. Peserta akan menjalankan pemantauan rutin prestasi sistem rawatan dan pembetungan air buangannya untuk memastikan prestasi dan pematuhan peraturan yang optimum.

8) Penggunaan Tenaga dan Pelepasan Gas Rumah Hijau

Penggunaan tenaga dan semua pelepasan gas rumah hijau Skop 1 dan 2 hendaklah dijejak dan direkodkan, di kemudahan dan/atau di peringkat korporat. Peserta hendaklah mencari kaedah yang berkesan kos untuk mempertingkatkan kecekapan tenaga serta meminimumkan penggunaan tenaga dan pelepasan gas rumah hijau mereka.



D. ETIKA

Demi memenuhi tanggungjawab sosial dan mencapai kejayaan dalam pasaran, Peserta dan ejen-ejen mereka hendaklah mendukung standard etika yang tertinggi, termasuklah:

1) Integriti Perniagaan

Standard integriti tertinggi hendaklah ditegakkan dalam semua interaksi perniagaan. Peserta hendaklah mengamalkan dasar toleransi sifar untuk menghalang semua dan apa jua bentuk sogokan, rasuah, pemerasan dan penggelapan wang.

2) Tiada Kelebihan yang Tidak Wajar

Sogokan atau cara lain untuk mendapatkan kelebihan yang tidak wajar atau salah tidak boleh dijanjikan, ditawarkan, dibenarkan, diberikan atau diterima. Larangan ini mencakupi tindakan menjanjikan, menawarkan, membenarkan, memberikan atau menerima sebarang benda yang mempunyai nilai, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui pihak ketiga, untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, perniagaan langsung kepada mana-mana individu, atau pun mendapatkan kelebihan yang tidak wajar. Prosedur pemantauan dan penguatkuasaan hendaklah dilaksanakan bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang antirasuah.

3) Pendedahan Maklumat

Semua urusan perniagaan hendaklah dilakukan dengan telus dan dicatatkan dengan tepat pada buku kira-kira dan rekod perniagaan Peserta. Maklumat berkaitan dengan buruh, kesihatan dan keselamatan, amalan alam sekitar, aktiviti perniagaan, struktur, situasi kewangan dan prestasi peserta hendaklah didedahkan selaras dengan peraturan yang berkaitan dan amalan industri yang lazim. Pemalsuan rekod atau salah nyataan keadaan atau amalan dalam rantai bekalan tidak boleh diterima.

4) Harta Intelektual

Hak harta intelektual hendaklah dihormati; pemindahan teknologi dan pengetahuan hendaklah dilakukan dengan cara yang melindungi hak harta intelektual; dan, maklumat pelanggan hendaklah dilindungi.

5) Perniagaan, Pengiklanan dan Persaingan yang Adil

Standard perniagaan, pengiklanan dan persaingan yang adil hendaklah didukung.



6) Perlindungan Identiti dan Tiada Tindakan Balas

Program yang memastikan kerahsiaan, ketanpamaan dan perlindungan pemberi maklumat² bagi pembekal dan pekerja hendaklah dikekalkan, melainkan dilarang oleh undang-undang. Peserta hendaklah mempunyai proses komunikasi supaya kakitangan mereka boleh mengemukakan sebarang kebimbangan tanpa berasa takut akan menerima tindakan balas.

7) Pencarian Sumber Mineral Secara Bertanggungjawab

Peserta hendaklah mempunyai dasar untuk memastikan sewajarnya bahawa tantalum, timah, tungsten dan emas dalam produk yang dikeluarkan oleh mereka tidak membiayai atau memanfaatkan secara langsung atau tidak langsung kumpulan bersenjata yang merupakan pesalah bagi penyalahgunaan hak asasi manusia yang serius di Republik Demokratik Congo atau negara yang bersempadanan. Peserta hendaklah melaksanakan usaha wajar terhadap sumber dan rangkaian jagaan mineral ini dan menyediakan langkah usaha wajar mereka untuk pelanggan sekiranya diminta oleh pelanggan.

8) Privasi

Peserta hendaklah menyatakan kesanggupan untuk melindungi jangkaan wajar privasi maklumat peribadi setiap orang yang berurusan dengan mereka, termasuk pembekal, pelanggan, pengguna dan pekerja. Peserta hendaklah mematuhi undang-undang keselamatan privasi dan maklumat serta keperluan peraturan apabila maklumat peribadi dikumpulkan, disimpan, diproses, dipindahkan dan dikongsi.

² Takrifan pemberi maklumat: Mana-mana individu yang membuat pendedahan mengenai kelakuan yang tidak wajar oleh pekerja atau pegawai syarikat, atau oleh pegawai awam atau badan awam.



E. SISTEM PENGURUSAN

Peserta hendaklah menerima pakai atau mewujudkan sistem pengurusan yang skopnya berkaitan dengan kandungan Tatakelakuan ini. Sistem pengurusan hendaklah direka bentuk bagi memastikan: (a) pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan keperluan pelanggan yang berkenaan, yang berkaitan dengan operasi dan produk peserta; (b) pematuhan terhadap Tatakelakuan ini; serta (c) pengenalpastian dan pengurangan risiko operasi yang berkaitan dengan Tatakelakuan ini. Ia juga hendaklah memudahkan penambahbaikan yang berterusan.

Sistem pengurusan hendaklah mengandungi unsur-unsur berikut:

1) Komitmen Syarikat

Pernyataan dasar tanggungjawab sosial dan alam sekitar korporat yang menegaskan komitmen Peserta terhadap pematuhan dan penambahbaikan yang berterusan, yang disokong oleh pengurusan eksekutif dan dipaparkan di kemudahan dalam bahasa tempatan.

2) Akauntabiliti dan Tanggungjawab Pengurusan

Peserta dengan jelas mengenal pasti eksekutif kanan dan wakil[-wakil] syarikat yang bertanggungjawab memastikan pelaksanaan sistem pengurusan dan program yang berkaitan. Pengurusan kanan menyemak semula status sistem pengurusan secara berkala.

3) Keperluan Undang-undang dan Pelanggan

Proses untuk mengenal pasti, memantau dan memahami keperluan undang-undang, peraturan dan pelanggan yang berkenaan, termasuk keperluan Tatakelakuan ini.

4) Penilaian Risiko dan Pengurusan Risiko

Proses untuk mengenal pasti pematuhan undang-undang, amalan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan³ serta amalan buruh dan risiko etika yang berkaitan dengan operasi Peserta. Penentuan kepentingan relatif bagi setiap risiko serta pelaksanaan prosedur dan kawalan fizikal yang sesuai untuk mengawal risiko yang dikenal pasti dan memastikan pematuhan terhadap peraturan

³ Kawasan yang perlu dicakupi dalam penilaian risiko kesihatan dan keselamatan alam sekitar ialah kawasan pengeluaran, gudang dan kemudahan penyimpanan, peralatan sokongan kilang/kemudahan, kawasan makmal dan ujian, kemudahan sanitasi (bilik mandi), dapur/kafeteria dan perumahan/asrama pekerja.



5) **Objektif Penambahbaikan**

Objektif, sasaran dan pelan pelaksanaan prestasi bertulis untuk meningkatkan prestasi sosial dan alam sekitar Peserta, termasuk penilaian prestasi Peserta secara berkala dalam mencapai objektif tersebut.

6) **Latihan**

Program untuk melatih pengurus dan pekerja bagi melaksanakan dasar, prosedur dan objektif penambahbaikan Peserta dan bagi memenuhi keperluan undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

7) **Komunikasi**

Proses untuk menyampaikan maklumat dengan jelas dan tepat mengenai dasar, amalan, jangkaan dan prestasi Peserta kepada pekerja, pembekal dan pelanggan.

8) **Maklum balas, Penyertaan dan Ganjaran Pekerja**

Proses yang berterusan, termasuk mekanisme rungutan yang berkesan untuk menilai pemahaman pekerja dan mendapatkan maklum balas atau pelanggaran terhadap amalan dan syarat yang dirangkumi oleh Tatakelakuan ini dan untuk memupuk penambahbaikan yang berterusan.

9) **Audit dan Penilaian**

Penilaian sendiri berkala untuk memastikan keakuran terhadap keperluan undang-undang dan peraturan, kandungan Tatakelakuan ini dan keperluan kontrak pelanggan yang berkaitan dengan tanggungjawab sosial dan alam sekitar.

10) **Proses Tindakan Pembetulan**

Proses untuk membetulkan kelemahan yang tepat pada masanya yang dikenal pasti melalui penilaian, dalaman atau luaran, pemeriksaan, penyiasatan dan kajian semula dalaman.

11) **Dokumentasi dan Rekod**

Penyediaan dan penyelenggaraan dokumen dan rekod untuk memastikan kepatuhan kawal selia dan keakuran terhadap keperluan syarikat seiring dengan kerahsiaan yang wajar untuk melindungi privasi.

12) **Tanggungjawab Pembekal**

Proses untuk mengkomunikasikan keperluan Tatakelakuan kepada pembekal dan memantau pematuhan pembekal terhadap Tatakelakuan ini.



Responsible Business Alliance

Formerly the Electronic Industry Citizenship Coalition

Advancing Sustainability Globally

RUJUKAN

Standard yang berikut digunakan semasa menyediakan Tatakelakuan ini dan mungkin menjadi sumber maklumat tambahan yang berguna. Standard berikut mungkin disokong atau mungkin tidak disokong oleh setiap Peserta.

Akta Pembaharuan dan Perlindungan Pengguna Dodd-Frank Wall Street

<http://www.sec.gov/about/laws/wallstreetreform-cpa.pdf>

Pengurusan Eko & Sistem Audit http://ec.europa.eu/environment/emas/index_en.htm

Inisiatif Perdagangan Beretika www.ethicaltrade.org/

Tataamalan dalam Keselamatan dan Kesihatan ILO

www.ilo.org/public/english/protection/safework/cops/english/download/e000013.pdf

Standard Buruh Antarabangsa ILO

www.ilo.org/public/english/standards/norm/whatare/fundam/index.htm

ISO 14001 www.iso.org

Agensi Perlindungan Kebakaran Nasional www.nfpa.org/catalog/home/AboutNFPA/index.asp

Panduan Usaha Wajar OECD untuk Rantaian Bekalan Bahan Galian dari Kawasan Terjejas Konflik dan Berisiko Tinggi <http://www.oecd.org/corporate/mne/mining.htm>

Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional

<http://www.oecd.org/investment/mne/1903291.pdf>

OHSAS 18001 <http://www.bsigroup.com/en-GB/ohsas-18001-occupational-health-and-safety/>

Deklarasi Hak Asasi Manusia Universal www.un.org/Overview/rights.html

Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Menentang Rasuah

<https://www.unodc.org/unodc/en/treaties/CAC/>

Perjanjian Global Bangsa-bangsa Bersatu www.unglobalcompact.org

Peraturan Pemerolehan Persekutuan Amerika Syarikat www.acquisition.gov/far/

SA 8000 <http://www.sa-intl.org/index.cfm?fuseaction=Page.ViewPage&PageID=937>

Akauntabiliti Sosial Antarabangsa (SAI) www.sa-intl.org



Responsible Business Alliance

Formerly the Electronic Industry Citizenship Coalition

Advancing Sustainability Globally

SEJARAH DOKUMEN

Versi 1.0 – Dikeluarkan pada bulan Oktober 2004.

Versi 1.1 – Dikeluarkan pada bulan Mei 2005. Dokumen ditukarkan kepada format EICC, semakan kecil berkenaan reka letak halaman; tiada perubahan kandungan.

Versi 2.0 – Dikeluarkan pada bulan Oktober 2005 dengan semakan pada berbilang peruntukan.

Versi 3.0 – Dikeluarkan pada bulan Jun 2009 dengan semakan pada berbilang peruntukan.

Versi 4.0 – Dikeluarkan pada bulan April 2012 dengan semakan pada berbilang peruntukan. Versi

5.0 – Dikeluarkan pada bulan November 2014 dengan semakan pada berbilang peruntukan.

Versi 5.1– Dikeluarkan pada bulan Mac 2015 dengan semakan pada A1 berkuat kuasa 1 Januari, 2016.

Versi 6.0 – Dikeluarkan pada bulan Januari 2018 dengan semakan pada berbilang peruntukan.

Tatakelakuan EICC pada awalnya dibangunkan oleh beberapa syarikat yang terlibat dalam pengeluaran produk elektronik antara bulan Jun hingga Oktober 2004. Banyak syarikat dijemput dan digalakkan untuk menerima pakai Tatakelakuan ini. Anda boleh mendapatkan maklumat tambahan dari responsiblebusiness.org